

19/11/1997

Anwar bentang usul hari ini

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentangkan Usul Khas Memberi Keyakinan Penuh dan Sokongan Tidak Berbelah Bagi terhadap kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, di Dewan Rakyat esok.

Kertas pemberitahuan yang dikeluarkan di Dewan Rakyat hari ini menyebut usul yang turut memasukkan kedaulatan negara dan prinsip perdagangan itu akan dibahaskan sebagai Perkara Pertama mengikut Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul.

Usul itu berbunyi:

* Menyedari Malaysia adalah negara berdaulat dan merdeka yang dibangunkan di atas prinsip demokrasi dan musyawarah;

* Menginsafi sifat majmuk masyarakat Malaysia dari segi suku kaum, agama dan kebudayaan yang mana rakyat hidup bersama dengan aman damai, hormat-menghormati dan saling berganding bahu bagi membina negara yang utuh lagi makmur;

* Meyakini hubungan antara negara perlu mengikut prinsip keadilan, kebebasan, persamaan dan saling menghormati;

* Memaklumi Malaysia memberi kebebasan kepada rakyatnya memilih pemimpin dan kerajaan menerusi proses pilihan raya yang bebas dan demokratik;

* Menegaskan Malaysia adalah negara yang mendukung prinsip perdagangan bebas;

* Memandang berat surat 34 ahli Kongres Amerika bertarikh 27 Oktober 1997 kepada Perdana Menteri yang mengandungi tuduhan bahawa beliau seorang yang anti-Yahudi serta usul beberapa ahli Kongres menuntut Dr Mahathir meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan; dan

* Kesal dengan usaha Kerajaan Amerika Syarikat menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya ke atas Petronas yang melabur dalam industri gas di Iran.

Maka Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan seperti berikut:

* Menegaskan Malaysia akan terus mempertahankan prinsip menghormati kerukunan hidup rakyat pelbagai kaum dan agama dan di bawah pimpinan Dr Mahathir dan prinsip itu terus diamalkan. Selaras sikap terbuka, adil dan saksama adalah dinafikan kenyataan bahawa pimpinan negara adalah anti mana-mana kaum termasuk Yahudi;

* Membantah usul beberapa ahli Kongres yang membuat tuduhan melulu dan mempertikai kedaulatan dan hak rakyat serta menuntut masyarakat antarabangsa akur terhadap hak rakyat mana-mana negara menentukan kepemimpinan serta dasar negara masing-masing melalui proses demokrasi dan musyawarah;

* Membantah keputusan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menyiasat pelaburan Petronas dalam industri gas di Iran kerana ia melanggar semangat perdagangan bebas yang diterima pakai masyarakat antarabangsa;

* Berusaha menjamin kesinambungan hubungan baik dengan Amerika Syarikat dalam segala bidang dan berusaha mempertingkatkan hubungan itu;

* Memberi keyakinan dan sokongan penuh kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia.

(END)